

أنق كونچي شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allah Ta’alam mengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQĀ’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 3 (ms 7-10)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau,Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : idrus.cbtc@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِهِ مِنْ شُرُورِ النَّفَّاثَاتِ
أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلَلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ لِلَّهِ إِلَّا
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نُفُسٍّ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهُمْ
جَاهَ وَبَثَ مِنْهُمْ أَرْجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ الْأَرْحَامُ ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisa'a:1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قُوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَعْفُرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ،
وَمَنْ يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَحْسَنَ الْهَدِيَّ هَذِي مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُخْدِثُهَا ، وَكُلُّ مُخْدِثٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلُّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلُّ ضَلَالٌ فِي
¹ النَّارِ .

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'alaihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'alaihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahhu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'alaihi wa sallam* *sallallahu'alaihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118), an-Nasaai(III/104-105), at-Tirmidzi(n0. 1105), Ibnu Majah (no.1892), al-Hakim(II/182-83), ath-Thayalisi (no.336), Abu Ya'la(no.5211), ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 danVII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahhu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata; "Khutbah ini adalah sunnah, dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah, fiqh, menasihati orang dan semacamnya.. Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahhuhanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah, sebahagian kepada sebahagian yang lainnya..." (*Majmuu' Fataawa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku "Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah" oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Panduan Menggunakan Nota Ini

1. Format syarah matan kitab ini adalah seperti berikut:
 - a. Matan dari kitab “**Anak Kunci Syurga**” adalah dalam saiz 14, *font* “Times New Roman”
 - b. Syarah terhadap matan tersebut dalam saiz 10 *font* “Tahoma”
 - c. Disertakan matan yang akan disyarahkan di mukasurat 4 untuk mendapat gambaran menyeluruh. Bagi yang memiliki kitab,sila rujuk di kitab masing-masing.
2. Saya menyusun syarah terhadap matan Kitab ini dengan memberikan catatan kaki(*footnote*) pada point-point yang dikira penting untuk diberikan penjelasan.
3. Nota kaki ini ada yang ringkas dan ada yang panjang sekadar untuk memudahkan pemahaman dan sebagai rujukan sekiranya diperlukan.
4. *Ada pun yang terpenting adalah memberi perhatian terhadap apa yang disampaikan semasa kuliah dan membuat catatan dalam kitab masing-masing.*
5. Adalah amat-amat disarankan setiap tuan/puan memiliki kitab “**Anak Kunci Syurga**”,sebagai rujukan setiap kali menghadiri kuliah ini. (sila rujuk “Nota Kuliah Siri 1 Pendahuluan Kitab” tentang adab-adab menuntut ilmu)
6. Dan sekiranya berkemampuan,belilah kitab/buku-buku yang dijadikan rujukan yang saya nyatakan di dalam nota syaranan ini, untuk bacaan/kajian lanjut oleh tuan/puan bagi meluaskan pemahaman terhadap perbahasan kitab ini.

Semoga bermanfaat nota penjelasan terhadap matan ini dan apa yang telah disampaikan dapat difahami dengan jelas dan benar. Sekiranya ditemui sebarang kemosykilan atau kesilapan harap tuan/puan *rahimahullah* dapat segera memaklumkan kepada saya agar dapat diperbetulkan dengan segera.

Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 7-8

“AQĀ’ID AL-IMAN”

Ketahui olehmu dengan yakin dan i’tiqadkan olehmu dengan putus bahawa Allah Ta’ala satu, tiada ada yang menyegutui baginya, kerana firman Allah Ta’ala:

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ﴿١﴾ إِلَهُ الْأَصَمَدُ ﴿٢﴾ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ﴿٣﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ كُفُواً أَحَدٌ ﴿٤﴾

Ertinya : Bersabda olehmu wahai Rasulullah:’Tuhan aku yang bertanya kamu daripadanya Allah Ta’ala,iaitu: Tuhan yang satu,Allah Ta’ala yang diqasad pada segala hajat selama-lama, tiada ada baginya bandingan dan yang menyerupai. Dan bahawa tiada ada sesuatu yang seumpama Allah Ta’ala.” (al Ikhlas: 1-5)

Kerana firman-Nya :

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١١﴾

“Tiada ada sesuatu seumpama Allah Ta’ala, dan Ia juga yang sangat Mendengar lagi yang sangat Melihat.” (asy Syura:11)

Dan bahawa Allah Ta’ala itu Tuhan yang sedia; tiada ada permulaan baginya, dan yang berkekalan ;tiada ada kesudahan bagi-Nya,kerana firman-Nya:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالْبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿١﴾

Ertinya : Allah Ta’ala juga yang terdahulu dan yang terkemudian.” (al Hadid:3)

Dan bersembah Nabi sallallahu’alaihi wasallam:

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَا يَسِّرْ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَإِنْتَ الْآخِرُ فَلَا يَسِّرْ بَعْدَكَ شَيْءٌ

Ertinya: “Wahai Allah,Engkau juga yang sedia,maka tiada ada sesuatu dahulu daripada Engkau,dan Engkau juga yang kekal,maka tiada ada sesuatu kemudian daripada Engkau.”

Berkata asy Syeikh Abdul Qadir al Mandili rahimahullah ;

“AQA’ID AL-IMAN”²

Ketahui olehmu³ dengan yakin dan i’tiqadkan olehmu dengan putus⁴ bahawa Allah Ta’ala satu⁵, tiada ada yang menyegutui baginya⁶ kerana firman Allah Ta’ala:

² Ini merupakan perbahasan pertama dalam kitab ini, yang dibahagikan kepada 3 bab utama iaitu :-

- a. Bab Pertama : Aqidah (ms 7- 41)
- b. Bab Kedua : Ibadah (ms 43-178)
- c. Bab Ketiga : Akhlaq (ms 179-193)

- Secara umumnya,dalam bab yang pertama ini,asy Syeikh rahimahullah cuma membawakan beberapa point-point penting yang ringkas dari pokok-pokok keyakinan berkaitan aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah (kerana kitab ini memang untuk para penuntut ilmu di peringkat permulaan/sekolah rendah)
- InsyAllah selepas kita selesai membahas setiap dari point-point penting yang disenaraikan oleh asy Syaikh rahimahullah dalam bab ini,kita akan belajar pula/berpindah kitab yang lebih terperinci dan lebih lengkap dalam perbahasan berkaitan aqidah iaitu kitab “ **Perisai Bagi Sekalian Mukalaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**” yang juga dikarang oleh asy Syeikh rahimahullah

³ **Ketahui olehmu –**

- a) merupakan seruan agar setiap dari kita yang mukallaf, wajib memiliki ilmu yang benar dan sahih berdasarkan petunjuk al Quran dan as Sunnah as Sahihah menurut pemahaman salaf/Ahlus Sunnah wal Jamaah dalam kita beragama.
- b) Menjadi kewajiban bagi kita untuk menuntut Ilmu Syari’e (dan Alhamdulillah telah saya kuliahkan Bab ini pada kuliah yang pertama,maka silalah merujuk kepada Nota Kuliah Siri 1,yang telah diedarkan kepada tuan/puan sebelum ini)

⁴ **yakin dan i’tiqadkan olehmu dengan putus** - Memahami persoalan Aqidah mestilah dengan penuh keyakinan dan kepercayaan yang pasti dan mutlak tanpa ada sebarang **keraguan** sedikit pun, kerana ini adalah salah satu syarat sahnya dan **sempurnanya** Keislaman dan Keimanan seseorang terhadap Allah Ta’ala seperti mana firman Allah Ta’ala :

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِيمَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَأُوا وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الظَّانُونَ

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasulnya kemudian mereka **tidak ragu-ragu** dan mereka berjihad dengan harta dan diri mereka di jalan Allah.Merekalah orang-orang yang benar.” (**al Hujurat:15**)

⁵ **Allah Ta’ala satu**, (Allah Ta’ala Maha Esa,Maha Tunggal dan Maha Bersendirian)

- a) Satu dari kata أَحَدٌ dan merupakan salah satu dari sekian banyak Nama-nama Allah Ta’ala yang Maha Indah dan Maha Agung iaitu : أَلْوَاحِدٌ . Satu ertiannya tiada duanya,tiada tandingan dan tiada sekutu bagi-Nya. Dan ini merupakan Aqidah umat Islam yang paling pokok iaitu, menyakini dan beritiqad bahawa Allah Ta’ala Maha Esa dan tiada sekutu bagi-Nya

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ إِلَهُ الْصَّمَدُ ۝ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۝ لَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ ۝

Ertinya : “Bersabda olehmu wahai Rasulullah:’Tuhan aku yang bertanya kamu daripadanya Allah Ta’ala,iaitu: Tuhan yang satu,Allah Ta’ala yang diqasad pada segala hajat selama-lama, tiada ada baginya bandingan dan yang menyerupai. Dan bahawa tiada ada sesuatu yang seumpama Allah Ta’ala.” (al Ikhlas: 1-5)

Kerana firman-Nya :

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ ۝ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ۝

“Tiada ada sesuatu seumpama Allah Ta’ala, dan Ia juga yang sangat Mendengar lagi yang sangat Melihat.” (asy Syura:11)⁷

- b) Kedua nama ini menunjukkan akan keesaan Allah Ta’ala dan ketunggalan-Nya,iaitu bahawa Dialah yang bersendirian dengan sifat-sifat yang mulia dan terpuji,yang tunggal dengan sifat-sifat keagungan,kebesaran dan keindahan.
- c) Allah Ta’ala ;
 - i. **Maha Esa dalam Dzat,-Nya tidak ada tandingan bagi-Nya,**
 - ii. **Maha Esa dalam Sifat-sifat-Nya tidak ada yang serupa dengan-Nya** dan
 - iii. **Maha Esa dalam Perbuatan-perbuatan-Nya tidak ada sekutu bagi-Nya.** dan tidak sesekali akan ada dari makhluk ciptaan-Nya yang menyamai-Nya dan bersyarat dengan-Nya! Pegang kuat-kuat Aqidah ini wahai saudaraku sesama muslim.
- c. Dia Maha Tunggal dalam Uluhiyah-Nya,maka tidak ada tandingan bagi-Nya dalam kecintaan,pengagungan,ketundukan dan kerendahan. Dia Maha Tunggal yang agung dalam sifat-sifat-Nya hingga Dia bersendirian dengan segala kesempurnaan. Dan tidak mungkin bagi manusia untuk meliputi semua sifat-sifat-Nya atau untuk meliputi sesuatu dari sifat-sifat-Nya terlebih lagi untuk menyerupai sesuatu dari-Nya!

⁶ **tiada ada yang menyegutui baginya**

- Wajib kita menjauhkan Allah Ta’ala dari **mensyirikkan**-Nya/menyegutui-Nya dari segi Dzat,Sifat dan Perbuatan-Nya dengan makhluk ciptaan-Nya ,seperti yang dilakukan oleh kelompok-kelompok sesat dan menyimpang yang terdiri dari **al-Jahmiyah, al-Mu’athhilah,al-Mu’tazilah, ar Rafidhah** dan juga kelompok kuffar yang terdiri dari kaum **Yahudi,Nasrani,Hindu,Budhha** dan sealiran dengannya!

⁷ **Kemudian asy Syeikh rahimahullah mendatangkan dua (2) dalil** dari **Surah al Ikhlas ayat 1-5** dan **Surah Asy Syura ayat 11** . Sebenarnya masih banyak ayat-ayat tentang men-Esakan Allah Ta’ala semata-mata dan menafikan penyerupaan Allah Ta’ala dengan makhluk ciptaan-Nya, di antaranya adalah seperti yang disenaraikan dibawah,maka merujuklah ke sana:-

1. Al Baqarah :163
2. Yusuf:39
3. Shaad:39

-
- 4. Ar Ra'du:16
 - 5. Az Zumar:4
 - 6. Fushshilat:6
 - 7. An Nahl:51
 - 8. Yusuf:39
 - 9. Ibrahim:48
 - 10. Ash Shaffat :4-5

Sekarang marilah kita cuba memahami sejenak tafsiran atau maksud kedua-dua surah/ayat yang dibawakan oleh asy Syeikh rahimahullah secara ringkas dan global:

1. Surah al Ikhlas : 1-4

قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۖ كُفُواً أَحَدٌ ۖ لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ۖ لَمْ يَكُنْ لَّهُ إِلَهٌ أَخْرَىٰ ۚ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ أَنَّصَادُ ۚ

- a) Allah Ta'ala menyifatkan diri-Nya dalam surah ini yang menyamai sepertiga al Quran.

Di dalam Shahih Bukhari dari Abu Said al Khudri radiallahu'anhu, dia berkata bahawa Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam bersabda kepada para sahabatnya, "**Apakah kamu tidak sanggup untuk membaca sepertiga dari al Quran pada satu malam?**" Hal tersebut memberatkan para sahabat. Mereka mengatakan,"**Siapakah yang sanggup untuk melakukannya,wahai Rasulullah?**" "Rasulullah sallallahu'alaihi wa sallam pun bersabda;

"Allah adalah yang Maha Esa dan Ash Shamad-surah yang mengandungi hal ini(al-Ikhlas)-merupakan sepertiga al Quran." (no.4727)

- b) Kandungan surah al Ikhlas penuh dengan pokok-pokok kaedah ilmu(Tauhid) kerana Allah Ta'ala berfirman **الله أَحَدٌ**, maksudnya Allah Ta'ala bersendiri dengan keagungan dan kesempurnaan bersendiri dengan keindahan,kemuliaan dan kesombongan. **الله أَحَدٌ** menunjukkan nafi penyegutan daripada setiap sudut pada Dza-Nya,pada sifat-Nya dan pada Af'al-Nya sepetimana menunjukkan ketunggalan-Nya dengan kebesaran,kesempurnaan,ketinggian, dan kemuliaan-Nya.

Oleh itu tidak diitlakkan,yakni digunakan kalimah **(أَحَدٌ)** / (tunggal) itu melainkan bagi Allah Ta'ala sahaja kerana lafaz **(أَحَدٌ)** lebih dalam maknanya daripada lafaz **(واحد)**

- c) Firman-Nya (**إِلَهٌ أَنَّصَادُ**),iaitu Allah Ta'ala adalah Rabb yang Maha Agung,yang merupakan puncak dari kedudukan tertinggi, Allah Ta'ala Yang Maha Agung lagi Maha Sempurna dalam keagungan-Nya, Allah yang Maha Mengetahui dan sempurna dalam Ilmu-Nya,Allah yang Maha Bijaksana dan sempurna dalam Hukum-Nya,serta Allah Ta'ala adalah yang Maha Sempurna dalam seluruh Nama-nama dan sifat-sifat-Nya.

Di antara makna 'Ash-Shamad', bahawa Allah Ta'ala adalah Zat yang dituju oleh seluruh makhluk dalam semua hajat(kepentingan),serta Allah Ta'ala yang Maha Sempurna yang diibadahi.

-
- d) Menetapkan keesaan bagi Allah Ta'ala dan makna *ash-Shamad* (yang dituju/diperlukan oleh makhluk),semuanya ini mengandungi penetapan perincian sifat-sifat Allah Ta'ala yang baik dan sifat-sifat-Nya yang tinggi.Ini adalah salah satu dari dua jenis tauhid (isbat dan tanzih),iaitu ***isbat*** (menetapkan) dan isbat merupakan yang paling besar dari dua jenis tauhid tersebut-**Tauhid Isbat** !
- e) Jenis tauhid yang kedua adalah Taihid Tanzih - ***tanzih*** (menyucikan) Allah Ta'ala dari kelahiran, sekutu,penyerupaan serta penyamaan. Hal ini termasuk dalam firman-Nya:

لَمْ يَلِدْ وَلَمْ يُوْلَدْ ﴿١﴾ وَلَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ

Iaitu yang tidak ada yang setara,yang serupa atau yang sebanding dengan Allah Ta'ala.

- f) Maka seseorang itu wajib terkumpul pada dirinya iaitu ia wajib membersihkan dan mensucikan Allah Ta'ala dari setiap kekurangan,sekutu,kesamaan atau penyerupaan (***Tauhid Tanzih***),dan ia bersaksi dengan hatinya atas keesaan Allah Ta'ala,Kesombongan dan Keagungan-Nya berserta semua sifat-sifat yang sempurna (***Tauhid Isbat***) yang semua itu kembali kepada dua nama yang mulia ini **أَحَدٌ** dan **الصَّمَد**,iaitu Maha Esa dan Dzat tempat bergantung segala sesuatu .

2. **Surah asy Syura: 11**

لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ وَهُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

- a. Ayat ini merupakan dalil yang semakna dengan (ولَمْ يَكُنْ لَّهُ كُفُواً أَحَدٌ) dan merupakan salah satu kaedah pokok tentang sifat-sifat Allah Ta'ala iaitu menafikan Allah Ta'ala dari penyerupaan dengan makluk ciptaan-Nya.Telah sepakat seluruh Ahlus Sunnah wal Jamaah bahawa Allah Ta'ala tiada seumpama-Nya sesuatu,tiada pada zat-Nya dan tiada pada sifat-Nya dan tiada pada perbuatan-Nya.
- b. Akan datang perbahasan tentang ayat ini dalam buku "ANAK KUNCI SYURGA" pada mukasurat 15 Tauhid Al-Asma wa as-Sifat.

Kesimpulan Dari huraian Terhadap Kedua-dua Ayat tersebut dan dalili-dalil yang seumpamanya adalah :

- a) Penetapan bahawa Allah Ta'ala Maha Esa dan penafian sekutu,tandingan dan yang serupa dengan-Nya dari segala segi
- b) Penetapan segala sifat kesempurnaan,yang tidak terlepas satu sifat pun yang menunjukkan akan kemuliaan dan keindahan ,kerana ke-Esaan-Nya dan kesempurnaan-Nya yang mutlak yang tidak ada kekurangan di dalamnya dari segala segi.
- c) Penyucian Allah Ta'ala dari segala sifat kekurangan dan aib,kerana sifat-sifat tersebut hanya layak bagi makhluk

Dan bahawa Allah Ta'ala itu Tuhan yang sedia; tiada ada permulaan baginya, dan yang berkekalan ;tiada ada kesudahan bagi-Nya,kerana firman-Nya:

هُوَ الْأَوَّلُ وَالْآخِرُ وَالظَّاهِرُ وَالبَاطِنُ وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Ertinya : Allah Ta'ala jua yang terdahulu dan yang terkemudian.” (**al Hadid:3**)

Dan bersembah Nabi sallallahu'alaihi wasallam:

اللَّهُمَّ أَنْتَ الْأَوَّلُ فَلَيْسَ قَبْلَكَ شَيْءٌ وَإِنْتَ الْآخِرُ فَلَيْسَ بَعْدَكَ شَيْءٌ

Ertinya: “Wahai Allah,Engkau jua yang sedia,maka tiada ada sesuatu dahulu daripada Engkau,dan Engkau jua yang kekal,maka tiada ada sesuatu kemudian daripada Engkau.”⁸

-
- d) Kewajiban untuk mengikrarkan keesaan-Nya dengan kesempurnaan yang mutlak dalam dzat,sifat dan perbuatan-Nya serta menyakini hal tersebut dalam hati. Inilah tauhid ilmu(**Tauhid Asma' was Sifat** serta **Tauhid Rububiyyah**)
 - e) Kewajiban untuk mengesakan-Nya dalam ibadah dan mengikhlaskan diri kepada-Nya. Dan bahwasanya keesaan Allah Ta'ala dalam penciptaan,pemberian rezeki,pemberian dan pencegahan,perendahan dan pengangkatan,penghidupan dan pematiian mewajibkan untuk mentauhidkan-Nya dalam ibadah. Dan ini adalah tauhid amal (**Tauhid Uluhiyah**)
 - f) Bantahan terhadap orang-orang musyrikin dan orang-orang yang berada di atas kebatilan dan kesesatan,yang tidak mengagungkan Allah Ta'ala dengan sebenarnya dan tidak mengikrarkan akan keesaan dan kesempurnaan-Nya,mereka menjadikan bersama Allah Ta'ala sekutu-sekutu dan tandingan-tandingan bagi-Nya serta berprasangka buruk kepada-Nya.

⁸ **Dan bahawa Allah Ta'ala itu Tuhan yang sedia; tiada ada permulaan baginya, dan yang berkekalan ;tiada ada kesudahan bagi-Nya.**

- a. Allah Ta'ala adalah maksudnya,Dialah Dzat yang tidak ada sesuatu pun yang mendahulu-Nya.Dzat dan perintah-Nya memiliki kedudukan yang tinggi di atas segala sesuatu.Dia-lah yang tidak memerlukan bantuan sesiapa.
- b. Cakupan permulaan dan akhiran Allah Ta'ala adalah dengan sebelum dan setelah.Segala hal yang terdahulu pasti akan terhenti pada awal mulanya.Setiap yang berakhir pasti akan terhenti pada waktu akhirnya.
- c. Adapun permulaan Allah Ta'ala,maka mendahului permulaan segala sesuatu dan akhiran Allah Ta'ala adalah kekal-Nya Dia setelah musnahnya segala sesuatu.Oleh itu,permulaan dan akhiran Allah Ta'ala mencangkap segala hal yang terdahulu dan segala hal yang terakhir.

-
- d. Tidaklah ada sesuatu yang pertama kali,melainkan Allah Ta'ala sudah ada sebelumnya.Tidaklah ada sesuatu yang paling akhir,melainkan Allah Ta'ala masih ada setelah-Nya.
 - e. Oleh kerana itu,Dia *Jalla wa 'A/a* adalah *Al-Awwa'*;tiada sesuatu pun sebelum-Nya dan *A-/Akhir*;tiada sesuatu pun setelah-Nya.Dan ini merupakan cakupan waktu/masa

Kesimpulan :

- a) Dengan mengetahui makna permulaan bagi Allah Ta'ala sebelum adanya segala sesuatu,dahulunya Dia dengan kurnia dan kebaikan sebelum adanya sebab-sebab,semuanya menuntut untuk diesakan-Nya Allah Ta'ala dengan kerendahan dan permohonan perlindungan,tidak menoleh kepada yang lain atau tawakal kepada selain-Nya.
- b) serta menuntut untuk dikosongkannya segala ketergantungan terhadap sebab-sebab dan menoleh kepada sebab-sebab itu menuju kepada ketergantungan kepada Dzat yang dari-Nya semata pemberian dan bantuan. Sebab kurnia Allah Ta'ala mendahului segala sarana dan sebab!

Manakala dengan ;

- a. mengetahui makna Akhiran bagi Allah Ta'ala,menuntut agar Dia semata yang dijadikan sebagai tujuan hamba,yang tidak ada tujuan baginya selain Dia.Tidak ada harapan lain bagi hamba di belakang-Nya.Kepada-Nya semata tempat berakhir segala sesuatu.
- b. Tidak ada lagi di belakang-Nya tujuan dan tidak pula ada setelah-Nya maksud.Selain itu,menuntut untuk tidak bergantung kepada sebab-sebab kerana sebab-sebab tersebut tidak diragukan lagi pasti akan berubah tidak ada dan selesai dengan akhiran.
- c. Sedangkan Allah Ta'ala Maha Hidup Kekal setelah semuanya.Oleh kerana itu,bergantung dengan sebab-sebab tersebut sama sahaja bergantung dengan sesuatu yang akan berubah tidak ada dan habis.
- d. Sedangkan bergantung kepada *Al-Akhir* Ta'ala adalah bergantung kpada Allah Ta'ala Yang Maha Hidup yang tidak akan mati lagi Maha Kekal yang tidak akan hilang.

Alhamdulillah selesailah sudah huraian dan penjelasan pada point yang pertama ini,semoga bermanfat dan difahami dengan jelas.

Untuk keseluruhan huraian pada matan ini,alhamdulillah saya mendapat manafat dari kitab-kitab berikut (maka untuk lebih perincian,tuan/puan disaran membeli kitab-kitab tersebut) ;

- a. Syaikh Shafiyurrahman al-Mubarakfuri,**Shahih Tafsir Ibnu Katsir**,Jilid 9,Pustaka Ibnu Katsir,2006
- b. Dr Mahmud 'Abdurraziq ar-Ridhwani,**Asmaul Husna**,Pustaka Ibnu Katsir,2011
- c. Prof.Dr.Abdurrazzaq bin Muhsin Al-Abbad Al-Badr,**Fikih Asma'ul Husna**,Darus Sunnah,2012
- d. Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah,**Syarah Aqidah Wasithiyah**,Media Tarbiyah,2009
- e. Syeikh 'Abdul Qadir b. 'Abdul Muthalib Al-Indunisia Al-Mandili,**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf..**,Al-Hidayah,2012